

KECICIRAN AKADEMIK DALAM KALANGAN BELIA ANTARABANGSA DI MALAYSIA

Fazilah Idris, Nor Azilawati Mat Isa dan Zanariah Mat Isa

PENGENALAN

Pendidikan merupakan antara aspek penting dalam memastikan kelestarian individu dalam kehidupan mereka. Kemasukan golongan belia antarabangsa ke Malaysia untuk mengikuti pengajian akademik berdasarkan bidang perlu diambil perhatian. Ini adalah untuk memastikan mereka menerima pendidikan yang berkualiti seterusnya dapat menyerlahkan potensi mereka sebagai graduan yang berkualiti. Penglibatan dan kerjasama setiap pihak perlu dalam memastikan setiap belia yang memasuki Malaysia untuk menyambung pengajian perlu mencapai objektif dan memberi impak kepada individu tersebut sebelum mereka pulang ke negara asal. Pastinya, ilmu yang diperolehi oleh belia antarabangsa selepas menamatkan pengajian mampu menyumbang kepada pembangunan negara masing-masing. Selain menyumbang kepada kerancakan perkembangan industri pendidikan secara keseluruhannya belia antarabangsa turut dilihat sebagai sumber ekonomi yang boleh memberi impak kepada Malaysia.

Sejajar dengan kenyataan tersebut, beberapa langkah telah dilakukan dalam usaha untuk mempergiatkan program pengantarabangsaan di peringkat pengajian tinggi. Antara usaha yang dilakukan adalah dengan membuat penambahan bilangan pelajar antarabangsa, perluasan penawaran program pengajian kepada pelajar antarabangsa dan penjenamaan semula Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam mencapai enrolmen pelajar antarabangsa menjelang tahun 2020. Enrolmen pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia mula memperlihatkan pertambahan seiring dengan saranan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi yang berhasrat

untuk menjadikan Malaysia sebagai platform pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di rantau ASEAN. Ini menggalakkan universiti awam dan swasta memasarkan pelbagai program bagi menarik minat pelajar antarabangsa. Senario ini mendorong Malaysia muncul sebagai antara salah sebuah pusat destinasi pengajian tinggi yang menjadi tumpuan dan pilihan dalam kalangan pelajar antarabangsa di dunia (Musa, 2016).

Seiring dengan peningkatan jumlah pelajar antarabangsa pada setiap tahun, terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Malaysia. Cabaran meliputi aspek akademik, kemudahan, persekitaran, komunikasi, bahasa, budaya dan sebagainya. Cabaran ini sewajarnya diberi perhatian agar para belia antarabangsa yang melanjutkan pelajaran di Malaysia tidak mengalami keciciran akademik dalam tempoh melengkapkan pengajian mereka di Malaysia. Para belia terutama yang terdiri daripada kalangan pelajar perlu menyedari akan tanggungjawab mereka untuk menamatkan pengajian sepanjang tempoh masa yang telah ditetapkan.

Ini bermakna, mereka perlu memastikan pembelajaran akademik yang diterima mencapai objektif pengajian seperti yang mereka impikan. Oleh itu, inisiatif perlu diambil bagi memastikan golongan belia pelajar antarabangsa ini mampu mengikuti pembelajaran akademik yang disediakan oleh institusi pengajian tinggi agar tidak mengalami keciciran terutama dalam bidang akademik.

SENARIO BELIA ANTARABANGSA DI MALAYSIA

Sektor pendidikan di Malaysia mengalami banyak perubahan dan pembaharuan terutamanya pada abad ke-21 ini. Perubahan ini telah merancakkan lagi kedatangan golongan belia antarabangsa ke Malaysia bagi mengikuti pembelajaran akademik di pelbagai tahap pengajian. Terdapat pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat ijazah, sarjana dan tidak kurang juga di peringkat doktor falsafah. Malaysia menjadi lokasi pilihan berdasarkan kedudukan universiti di peringkat antarabangsa, bidang pengajian, suasana dan fasiliti yang disediakan oleh institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia yang dapat memenuhi kriteria yang